

# Malaysia masih yakin masa depan OIC

**C**ASABLANCA 14 Dis. - Mengkesampingkan beberapa kelemahan dan kekurangannya, Malaysia masih mempunyai keyakinan terhadap masa depan dan peranan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia masih menganggap OIC penting dan berpotensi untuk sekurang-kurangnya menangani masalah umat Islam masa kini.

"Kita tidak akan berlaku adil kepada lebih satu bilion umat Islam di dunia sekiranya kita mengenyahkan OIC," kata beliau.

Dr. Mahathir berkata demikian sewaktu menemui wartawan Malaysia di sini hari ini.

Bagaimanapun beliau mengingatkan bahawa untuk memastikan OIC berkesan, relevan dan dihormati, penilaian semula harus dilakukan segera ke atasnya.

Beliau menganggap cadangan Malaysia agar OIC mengadakan

kumpulan pakar untuk membuat penilaian semula pertubuhan itu sebagai langkah positif ke arah itu.

Dr. Mahathir sedang menghadiri sidang puncak OIC yang masuk hari kedua hari ini.

Ditanya apakah harapan Malaysia mengenai sidang kali ini beliau berkata, "mengambil kira keterbatasan OIC, kita harus lebih realistik."

## Kesempatan

Beliau juga mengaku tidak mengharap terlalu banyak dari sidang kali ini sebaliknya mengambil kesempatan mengadakan beberapa siri pertemuan dua hala dengan beberapa pemimpin negara anggota OIC.

Dr. Mahathir juga mengakui imej OIC pada masa ini "tidak begitu baik."

Beliau berkata, penaklukan Russia ke atas wilayah Islam Chechnya ketika 52 negara OIC

bersidang di Casablanca membuktikan pandangan umum terhadap negara Islam.

"Kerana kita lemah dan tidak bersatu, kita tidak dihormati," kata beliau.

Beliau menekankan lagi perlunya setiap negara Islam stabil dan kuat.

"Negara-negara yang kukuh ekonomi dan stabil politiknya sahaja yang akan dihormati, kegagalan negara Islam selama ini berpunca kerana ia lemah dan tidak stabil.

"Orang-orang Islam lebih suka bercakaran sesama sendiri dari menentang musuh Islam.

"Di Malaysiapun ada kumpulan Islam yang mahu melemahkan kerajaan dan pimpinan Islam," kata beliau.

Dr. Mahathir juga tidak menolak kemungkinan bahawa sidang itu akan mengeluarkan perisytiharan berasingan mengenai isu Bosnia Herzegovina.

Beliau berpendapat dalam kea-

daan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) "merab-raba" kerana tidak ada dasar dan pemimpin yang mantap serta ketidakeberkesanan OIC, rakyat Bosnia Herzegovina akan terus menjadi mangsa.

Beliau bagaimanapun berpuas hati bahawa isu Bosnia Herzegovina dianggap agenda penting sidang kali ini.

Dr. Mahathir juga gembira bahawa beberapa negara OIC bersatu memikirkan langkah-langkah susulan sekiranya PBB mengundurkan tentera pengamanannya.

"Malah Presiden Turki bersejutu satu mesyuarat khas di kalangan negara Islam untuk menangani masalah Bosnia," kata beliau.

Dr. Mahathir sebelum ini telah diberi penghormatan mewakili kumpulan Asia dalam upacara memperingati 25 tahun OIC sempena sidang kali ini. --*Utusan*.